

Singapura Tidak Sensitif Perasaan Rakyat Malaysia

TULISAN A. Kadir Jasin dalam *Dewan Masyarakat*, keluaran Mac 2006 yang bertajuk, "Doktrin Pertahanan Singapura: Menyakitkan atau Mempertahankan?"; memang menarik untuk direnungkan. Hal ini demikian kerana Singapura telah lama menjadikan Malaysia sebagai musuh utama. Selama ini, tindakan Singapura dalam hal tertentu banyak mengundang perasaan marah, kecewa, dan sakit hati rakyat Malaysia.

Dasar Singapura yang membenarkan penghijrahan masuk beramai-ramai rakyat asing ke pulau itu perlu diberikan perhatian. Sejak lima tahun lalu, Singapura membuka pintu kerakyatannya kepada lebih daripada 250 ribu rakyat asing, kebanyakannya etnik berketurunan Cina dari negara China, Vietnam, Thailand, Taiwan, Indonesia, serta sedikit daripada India.

Dasar ini memberikan kesan terhadap peratus kaum minoriti Melayu di Singapura. Jumlah etnik Melayu di Singapura sekarang mewakili 14 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Singapura. Jika trend ini berterusan, peratusan penduduk Melayu di Singapura terus mengecil sehingga 10 peratus menjelang 2020 dan mengecil lagi sehingga lima peratus pada 2050.

Kerajaan Singapura tidak sewajarnya mengganggu komposisi penduduk khususnya etnik Melayu di negara itu. Dasar ini sememangnya menyakitkan hati orang Melayu (termasuk di Malaysia) yang sudah kehilangan kuasa politik di Singapura. ■

Makhtar Mohamed,
Kajang, Selangor.

